



Ruj.Kami : M.D. KERIAN. P/14/13 JLD 7 (6) – B103
Tarikh : 04 Jun 2025



Koridor Utiliti Darul Ridzuan
B-G-9 & B-G-11 Greentown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 IPOH

Tuan/Puan,

PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA-PERAK KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU ABA3038 - SEKOLAH KEBANGSAAN KUALA GULA

- Permohonan Izin Lalu



Dengan hormatnya perkara di atas dan surat tuan bertarikh 15 Mei 2025 adalah berkaitan dan sesalinan pelan dilampirkan.

2. Untuk makluman, pihak tuan dikehendaki menyedia serta mematuhi perkara-perkara berikut sebelum permit korekan dikeluarkan:

- i. Permit korekan dikeluarkan sentiasa berada di tapak pengorekan dan sebarang pertukaran jajaran hendaklah dimaklumkan pada pihak Majlis Daerah Kerian.
- ii. Semua kerja-kerja pemotongan jalan hendaklah menggunakan 'Diamond Cutter' sebelum mengorek jalan.
- iii. Kerosakan yang berlaku akibat dari kerja-kerja korekan yang berkaitan seperti bebendul, longkang, 'scupper drains', bahu jalan dan lain-lain perlu dibaiki atau diganti semula.
- iv. Tiada longgokan bahan binaan (cth: pasir, 'crusher run') di atas jalan yang berturap.
- v. Turapan semula permukaan jalan yang dikorek dalam tempoh 24 jam, sisa korekan perlu dibuang dari kawasan korekan dan diganti dengan yang baru (pasir, 'crusher run' tebal 300mm).
- vi. Bahan-bahan binaan yang diletakan di atas bahu jalan hendaklah dikepong dengan papan tanda keselamatan yang mencukupi dan lebihannya dikeluarkan dari bahu jalan setelah kerja siap.
- vii. Korekan bahu jalan hendaklah diaraskan sama dengan aras jalan dan ditanam semula rumput rapat- rapat (*closed turfing*).
- viii. Korekan melibatkan pemotongan merentangi jalan baru perlu kaedah Horizontal Direct Drilling (HDD).

..12-


- ix. Tidak dibenarkan menebang atau merosakan akar pokok-pokok tanaman pada bahu jalan.
- x. Pemohon dikehendaki mengambil 'insuran' bagi sebarang tuntutan awam, MDK tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kemalangan.
3. Pihak tuan perlu menjelaskan bayaran di bawah:
- a. Bayaran Permit sebanyak RM 367.20
 - b. Bayaran Cagaran sebanyak RM 2,000.00
 - c. Bayaran Tempat Letak Kereta RM -

4. Selain itu, pihak tuan juga dikehendaki mengemukakan **Surat Persetujuan** di atas **perkara 2 (i) hingga (x)** dan **No. Akaun** pembayar serta **Salinan Resit Pembayaran** untuk mengeluarkan permit korekan. Surat ulasan ini, sah dalam tempoh **30 hari** daripada tarikh surat ini. Selepas 30 hari maka ulasan ini terbatal dan pihak tuan perlu membuat permohonan yang baru.

Sekian dimaklumkan.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(Ir. MOHD AKHMAR BIN MOHD MOKHTAR)
Ketua Jabatan Kejuruteraan
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian
Mh/2025

s.k

APEX Communication Sdn. Bhd.
Tingkat 12 – Menara Hap Seng
Jalan P. Ramlee
50250 Kuala Lumpur
(u.p: Encik Mohd Hafeez bin Mohd Thani)

“PERAK SEJAHTERA 2030”